

D.R. 56/2007

**RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEMBANGUNAN
WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR 2007**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Jaminan am bahawa kuasa Kerajaan Negeri dan entiti Kerajaan lain tidak terjejas
4. Wilayah Ekonomi Pantai Timur

BAHAGIAN II

MAJLIS

5. Penubuhan Majlis
6. Objektif Majlis
7. Fungsi Majlis
8. Kuasa Majlis
9. Fungsi dan kuasa tambahan Majlis
10. Keanggotaan Majlis
11. Anggota silih ganti Majlis
12. Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa
13. Perwakilan fungsi dan kuasa Majlis

BAHAGIAN III

KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT MAJLIS

14. Ketua Eksekutif
15. Pengambilan kerja pegawai dan pekhidmat Majlis
16. Bantuan kewangan kepada pegawai dan pekhidmat dan tanggungan mereka

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN IV

PELAN INDUK WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

Fasal

17. Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur
18. Perundingan dengan Kerajaan Negeri
19. Kelulusan dan menerima pakai Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur
20. Kajian semula dan perubahan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur
21. Kewajipan untuk memberi perhatian kepada Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur
22. Pembangunan strategik yang ditetapkan

BAHAGIAN V

ARAH, DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN DI DALAM
WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

23. Tanggungjawab Majlis
24. Tanggungjawab entiti Kerajaan

BAHAGIAN VI

PENYELARASAN ANTARA ENTITI KERAJAAN DI DALAM
WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

25. Agensi penyelarasan utama
26. Perkiraan dengan entiti Kerajaan
27. Majlis boleh mendapatkan maklumat daripada entiti Kerajaan
28. Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan

BAHAGIAN VII

KEWANGAN

29. Kumpulan Wang
30. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
31. Kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang
32. Pemeliharaan Kumpulan Wang
33. Dana khas

Fasal

34. Kumpulan wang rizab
35. Akaun bank
36. Kuasa untuk mengenakan fi
37. Kuasa untuk meminjam dan memperdapatkan wang
38. Pelaburan ,
39. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
40. Tahun kewangan
41. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN DAN PENALTI

42. Kesalahan kerana tidak menzahirkan kepentingan
43. Obligasi kerahsiaan
44. Kesalahan kerana memberi maklumat palsu atau mengelirukan
45. Kesalahan kerana mengubahsuai tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Majlis
46. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan dan pekerja

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN AM

47. Penyata, laporan, akaun dan maklumat
48. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
49. Kuasa untuk mengambil khidmat profesional
50. Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang
51. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
52. Pekhidmat awam
53. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
54. Perkara yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini akan diperbuat
55. Peruntukan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA JADUAL

KETIGA

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk memperbadankan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, untuk mengadakan peruntukan mengenai arah, dasar dan strategi yang sewajarnya berhubung dengan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara entiti Kerajaan untuk menggalakkan aktiviti perdagangan, pelaburan, pelancongan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1.(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri, selepas berunding dengan Pihak-Pihak Berkuasa Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor, melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"anggota" ertinya anggota Majlis yang dilantik di bawah seksyen 10 dan termasuk anggota silih ganti yang dilantik di bawah seksyen 11;

"entiti Kerajaan" ertinya—

- (a) Kerajaan Persekutuan, atau mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan; dan
- (b) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, bagi Kerajaan Persekutuan, mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya;

"jawatankuasa" ertinya suatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 12;

"Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan" ertinya Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan yang dilantik di bawah seksyen 28;

"Ketua Eksekutif" ertinya Ketua Eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 14(1) dan termasuk seorang pegawai yang diarahkan untuk melaksanakan tugas Ketua Eksekutif di bawah subseksyen 14(6);

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang ditubuhkan di bawah seksyen 29;

"Majlis" ertinya Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Majlis yang dilantik di bawah perenggan 10(1)(a);

"Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur" ertinya Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang disediakan menurut seksyen 17 dan termasuk apa-apa perubahan kepada Pelan Induk itu;

"Wilayah Ekonomi Pantai Timur" ertinya kawasan yang diisytiharkan di bawah seksyen 4.

Jaminan am bahawa kuasa Kerajaan Negeri dan entiti Kerajaan lain tidak terjejas

3. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan atau mengehendkan kuasa, fungsi, hak, bidang kuasa, tugas dan tanggungjawab Negeri-Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor, dan mana-mana entiti Kerajaan yang lain.

(2) Peruntukan Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan Negeri-Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor, dan mana-mana entiti Kerajaan yang lain dan tidak mengurangkan kuasa, fungsi, hak, bidang kuasa, tugas dan tanggungjawab yang diberi kepada Negeri-Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor, dan mana-mana entiti Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur

4. Suatu kawasan yang hendaklah dikenali secara kolektif sebagai "Wilayah Ekonomi Pantai Timur" yang terdiri daripada Negeri-Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing di dalam Negeri Johor, diisytiharkan bagi maksud Akta ini.

BAHAGIAN II

MAJLIS

Penubuhan Majlis

5. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur" ditubuhkan.

(2) Majlis hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Majlis boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya sendiri.

(4) Majlis boleh, tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Majlis —

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa perihalan harta alih dan harta tak alih dan mengunderait atau selainnya memperoleh dan memegang apa-apa sekuriti; dan
- (c) memindahkan, penyerahhakan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadai, menggadai janji, mendemis, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik, atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih, termasuk sekuriti, atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada Majlis.

Objektif Majlis

6. Objektif Majlis adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk merangsang, menggalakkan dan mempercepatkan pertumbuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dengan cara yang saksama dan mapan;
- (b) untuk merangsang, menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur supaya menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan untuk melabur, bekerja dan tempat tinggal; dan
- (c) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diberi keutamaan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Fungsi Majlis

7. Tertakluk kepada seksyen 23, Majlis hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) untuk menetapkan arah, dasar, strategi dan inisiatif berhubung dengan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan pelaksanaan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (b) untuk menggalakkan, merangsang, memudahkan, menyelaras, membuat penilaian dan kajian semula apa-apa pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang dijalankan oleh mana-mana entiti Kerajaan, atau mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing, dan turut serta dalam membangunkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, termasuk —
 - (i) pembangunan ekonomi seperti pelancongan, dan pembangunan pertanian termasuk memodenkan, mempelbagaikan dan mengkomersialkan sektor pertanian;
 - (ii) pembangunan industri dan perdagangan seperti industri minyak dan gas dan petrokimia, pengilangan dan perusahaan lain dan aktiviti dan industri baru dengan nilai-tambah yang lebih tinggi;
 - (iii) pembangunan sosial seperti kesihatan umum termasuk membangunkan kemudahan kesihatan dan perubatan dan memajukan kesenian, dan kebudayaan, aktiviti sukan dan rekreasi;
 - (iv) pembangunan sumber manusia seperti pembangunan pendidikan awam dan membangunkan kemudahan pendidikan, termasuk institusi vokasional dan teknikal dan pusat kecemerlangan bagi penyelidikan, pengajaran dan latihan; dan
 - (v) pembangunan infrastruktur seperti pembangunan pusat pelaburan dan logistik, kawasan bebas cukai, kawasan perumahan dan kemudahan awam, dan pembangunan hartanah;
- (c) untuk merancang, melaksanakan secara berperingkat, menyelaras, dan membuat penilaian dan kajian semula apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana entiti

Kerajaan, atau mana-mana badan atau orang, di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang difikirkan oleh Majlis mempunyai kepentingan strategik kepada negara atau bermanfaat bagi negara dalam usaha menjayakan objektif Majlis;

- (d) untuk melaksanakan strategi dan inisiatif bagi pembangunan perdagangan dan pemasaran di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (e) untuk memberikan khidmat nasihat dan perundingan berhubung dengan pelaburan atau potensi pelaburan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur termasuk—
 - (i) untuk menasihati mana-mana entiti Kerajaan tentang insentif yang boleh diberikan kepada para pelabur;
 - (ii) untuk mendekati secara langsung atau tidak langsung mana-mana pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing, dengan tujuan untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur; dan
 - (iii) untuk membangunkan dan membuat kajian semula kriteria bagi insentif yang diuruskan dan ditadbir secara terus dan eksklusif oleh Majlis dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan, dari semasa ke semasa, untuk diberikan kepada para pelabur di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, dan untuk memproses dan membuat penilaian bagi pemberian apa-apa insentif kepada para pelabur yang layak;
- (f) untuk mengenal pasti kemahiran yang diperlukan bagi mengekalkan dan memajukan ekonomi Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan membangunkan strategi dan inisiatif bagi memastikan bahawa kemahiran itu dapat dibentuk dan dipupuk;
- (g) untuk menghasilkan penyelidikan saintifik dan teknologi yang bersepadu dan mengeksploitasi secara komersial penyelidikan itu dalam kerangka ekonomi Wilayah Ekonomi Pantai Timur;

- (h) untuk menjalankan kajian, membuat tinjauan, dan mengumpul semak dan menganalisis maklumat, statistik dan faktor yang mempengaruhi atau berkaitan dengan pembangunan, perniagaan atau pelaburan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, dan untuk menyiarkan dan menyebarkan maklumat, statistik dan faktor itu kepada mana-mana entiti Kerajaan, mana-mana badan, orang dan para pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing;
- (i) untuk menetapkan dasar, arah, strategi dan inisiatif berhubung dengan pembangunan mapan, termasuk perlindungan, pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur; dan
- (j) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat, berfaedah atau perlu, bagi atau yang bersampingan dengan, sebagai tambahan kepada, bagi atau yang berbangkit daripada, pelaksanaan fungsi Majlis dan pentadbiran Majlis yang sewajarnya dan berkesan demi menjayakan objektif Majlis dan bagi melaksanakan maksud Akta dengan lebih baik.

Kuasa Majlis

8. Majlis mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu atau suai manfaat atau berfaedah bagi maksud menunaikan fungsi Majlis, atau yang bersampingan dengan, sebagai tambahan kepada, atau yang berbangkit daripada, pelaksanaan fungsi Majlis dan penjalanan kuasa tersebut, dan bagi pentadbiran Majlis yang sewajarnya dan berkesan, demi menjayakan objektif Majlis dan bagi melaksanakan maksud Akta dengan lebih baik, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu:

- (a) tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan, untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam mana-mana aktiviti komersial, pengusahaan mencari keuntungan, usahasama, perkongsian, usahasama ekuiti atau apa-apa perkiraan untuk perkongsian keuntungan, kesatuan kepentingan, konsesi bersaling atau selainnya untuk bekerjasama dengan, bertindak sebagai ejen yang diberi kuasa bagi, secara bersesama dengan atau bagi pihak,

mana-mana entiti Kerajaan atau mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing, bagi maksud menjalankan aktiviti pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;

- (b) untuk mengambil atau selainnya memperoleh syer dan sekuriti mana-mana syarikat atau perniagaan, aktiviti atau transaksi, yang boleh diuruskan bagi mencapai, secara langsung atau tidak langsung, objektif Majlis, dan untuk menjual, memegang, atau mengeluarkan semula dengan atau tanpa jaminan atau selainnya menguruskan mana-mana syer dan sekuriti, atau untuk mengunderait atau selainnya memperoleh dan memegang mana-mana syer dan sekuriti dan untuk melupuskan mana-mana syer dan sekuriti atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Majlis;
- (c) untuk mendayausahakan dan menjalankan kajian mengenai kawasan yang boleh dibangunkan dan dibangunkan semula dan untuk mencadangkan perancangan yang menggariskan aktiviti pembangunan atau pembangunan semula, termasuk mengenai pasti lokasi yang sesuai dan pemboleh lain yang penting bagi mencapai maksud tersebut, dan menjalankan kajian untuk menentukan sama ada pengusahaan dan penjalanan projek pembangunan atau pembangunan semula boleh dilaksanakan;
- (d) untuk membuat syor dan memberi khidmat perundingan dan nasihat tentang pelaksanaan dasar, undang-undang dan tindakan, dan standard, garis panduan dan amalan terbaik, dan proses dan tatacara pentadbiran yang seragam yang hendaklah digunakan oleh mana-mana entiti Kerajaan, mana-mana badan dan orang bagi maksud menggalakkan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (e) untuk mempromosi, mengesyorkan, menyediakan kemudahan bagi, memberi sokongan kepada, menyelaras, mengelola, membangunkan dan mengusahakan strategi dan inisiatif bagi mempertingkatkan daya saing antarabangsa bagi barangan dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, termasuk strategi dan inisiatif yang berhubungan dengan —
 - (i) pembangunan jenama serantau bertaraf dunia yang teguh;

- (ii) penyebaran amalan atau standard moden atau antarabangsa yang terbaik untuk diterima pakai oleh para pengeluar atau pemberi perkhidmatan; dan
 - (iii) pencapaian akreditasi antarabangsa atau pemerakuan perniagaan di peringkat antarabangsa;
- (f) untuk mengenal pasti infrastruktur yang perlu bagi memastikan ekonomi Wilayah Ekonomi Pantai Timur kekal mapan dan berkembang selaras dengan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (g) untuk menerima dan menyalurkan apa-apa dana yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi penyediaan infrastruktur di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan untuk memantau pembinaan, pelaksanaan, pengendalian dan penyenggaraan infrastruktur itu;
- (h) untuk menubuhkan, menguruskan dan mengendalikan apa-apa dana pelaburan, sama ada yang berhubungan dengan harta, bon, saham, syer, sekuriti atau selainnya, dan untuk membubarkan dana pelaburan itu atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Majlis;
- (i) untuk membangunkan, menggalakkan, mengesyorkan, menyediakan kemudahan bagi, mengelola, menyelaraskan dan mengusahakan inisiatif bagi pembangunan sosial dengan matlamat untuk mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan pendapatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur; dan
- (j) untuk membuat syor kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor dan pihak berkuasa tempatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur berhubung dengan fungsi dan perkhidmatan kerajaan tempatan termasuk kawalan perancangan tempatan dan pengawalseliaannya, kelulusan atau kawalan ke atas semua bangunan dan pengendalian bangunan, pembaikan dan penghapusan bangunan yang hampir musnah dan berbahaya, dan larangan membina, penutupan dan perobohan bangunan dari jenis, dengan reka bentuk, muka bangunan atau rupa tertentu di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Fungsi dan kuasa tambahan Majlis

9. (1) Sebagai tambahan kepada fungsi yang diberikan kepada dan kuasa yang terletak hak pada Majlis di bawah Akta ini —

- (a) Majlis hendaklah melaksanakan apa-apa fungsi lain dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepada Majlis di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (b) Majlis boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan oleh atau diletak hak pada Majlis oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor, atau mana-mana entiti Kerajaan lain;
- (c) tertakluk kepada subseksyen (3), Majlis boleh membelanjakan apa-apa wang yang diterima oleh Majlis daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor, mana-mana entiti Kerajaan lain atau mana-mana badan atau orang untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang baginya wang itu diterima oleh Majlis; dan
- (d) Majlis boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain dan menjalankan apa-apa kuasa lain, yang bersampingan dengan, sebagai tambahan kepada, atau yang berbangkit daripada, apa-apa fungsi dan kuasa yang dinyatakan dalam seksyen ini.

(2) Dalam menjalankan fungsi dan kuasa tambahan di bawah subseksyen (1), Majlis hendaklah disifatkan sebagai memenuhi objektifnya di bawah Akta ini, dan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi Majlis berkenaan dengan pelaksanaan fungsi itu dan penjalanan kuasa itu.

(3) Kesemua wang yang diterima dan dibelanjakan di bawah seksyen ini hendaklah disimpan dalam dana khas di bawah seksyen 33, secara berasingan dan dipisahkan daripada Kumpulan Wang.

Keanggotaan Majlis

10. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi, yang hendaklah Perdana Menteri;

- (b) Timbalan Perdana Menteri;
- (c) Menteri Besar-Menteri Besar Negeri-Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor;
- (d) dua orang Menteri Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri;
- (e) seorang wakil perkhidmatan awam yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri; dan
- (f) dua orang anggota daripada sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kelayakan yang sesuai yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri.

(2) Ketua Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

(3) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Majlis.

(4) Perdana Menteri, boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Pertama.

Anggota silih ganti Majlis

11. (1) Tertakluk kepada kelulusan Perdana Menteri, mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah subperenggan (c), (d) dan (e) boleh melantik anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Majlis semasa ketidakhadiran anggota Majlis itu.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Majlis sebagai pengganti kepada seorang anggota, anggota silih ganti itu hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai seorang anggota Majlis bagi mesyuarat yang berkenaan dengannya dia dilantik sebagai anggota silih ganti bagi anggota tersebut.

Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa

12. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Majlis bagi membantu Majlis melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Majlis boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa.

(4) Keanggotaan sesuatu jawatankuasa boleh termasuk seorang individu atau lebih daripada sektor swasta.

(5) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi sesuatu jawatankuasa.

(6) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua berhubung dengan sesuatu jawatankuasa.

Pewakilan fungsi dan kuasa Majlis

13. (1) Majlis boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, selain kuasa untuk meminjam wang atau untuk memperdapatkan pinjaman—

- (a) kepada Pengerusi;
- (b) kepada seorang anggota Majlis;
- (c) kepada suatu jawatankuasa;
- (d) kepada Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan;
- (e) kepada Ketua Eksekutif; atau
- (f) kepada seorang pegawai Majlis.

(2) Pengerusi, seorang anggota Majlis, sesuatu jawatankuasa, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, Ketua Eksekutif atau seorang pegawai Majlis yang telah diwakilkan dengan apa-apa fungsi atau kuasa oleh Majlis adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat, sekatan dan kehendak lain yang dikenakan oleh Majlis dan segala tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Majlis dalam melaksanakan apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu.

(3) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Majlis.

(4) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen ini tidak akan menghalang Majlis daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu.

BAHAGIAN III

KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT MAJLIS

Ketua Eksekutif

14. (1) Majlis boleh melantik seorang Ketua Eksekutif Majlis atas apa-apa terma yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

(2) Ketua Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi —

- (a) penjalanan, pentadbiran dan pengurusan keseluruhan fungsi, aktiviti dan hal ehwal hari ke hari Majlis;
- (b) penyediaan program, skim dan projek untuk pertimbangan Majlis;
- (c) pelaksanaan semua program, skim dan projek Majlis;
- (d) pemasaran dan promosi Wilayah Ekonomi Pantai Timur; dan
- (e) pelaksanaan keputusan Majlis.

(3) Ketua Eksekutif hendaklah bertanggungjawab dan mempunyai kawalan am terhadap pegawai dan pekhidmat Majlis.

(4) Ketua Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa tugas tambahan yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(5) Dalam menunaikan tugasnya, Ketua Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Majlis.

(6) Jika berlaku kekosongan dalam jawatan Ketua Eksekutif atau Ketua Eksekutif tidak ada di Malaysia buat sementara waktu atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain untuk menunaikan tugasnya, Pengerusi boleh mengarahkan mana-mana pegawai Majlis untuk menjalankan tugas Ketua Eksekutif, termasuk bertindak sebagai Setiausaha Majlis, semasa kekosongan jawatan, ketiadaan atau ketidakupayaan sementara itu.

Pengambilan kerja pegawai dan pekhidmat Majlis

15. (1) Majlis hendaklah menubuhkan suatu skim perkhidmatan dan boleh, dari semasa ke semasa, mengambil bekerja apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang difikirkan wajar dan perlu oleh Majlis bagi skim perkhidmatan itu dan atas apa-apa terma, termasuk terma mengenai gaji, elaun dan perbelanjaan lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis, bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak untuk diambil bekerja sebagai pegawai atau pekhidmat Majlis jika dia mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau menerusi mana-mana orang atau pihak ketiga, apa-apa syer atau kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, bagi atau bagi pihak Majlis.

Bantuan kewangan kepada pegawai dan pekhidmat dan tanggungan mereka

16. Majlis boleh memberikan bantuan kewangan yang berikut atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Majlis:

- (a) pembayaran faedah persaraan, gratuiti, elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis kepada Ketua Eksekutif, pegawai dan pekhidmat Majlis;
- (b) subsidi, geran, kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga bagi maksud perumahan dan kenderaan, dan pembiayaan atau pinjaman ihsan lain, kepada Ketua Eksekutif, pegawai dan pekhidmat Majlis; dan
- (c) subsidi, geran, kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud perubatan dan pendidikan atau biasiswa kepada Ketua Eksekutif, pegawai dan pekhidmat Majlis, dan tanggungan mereka.

BAHAGIAN IV**PELAN INDUK WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR****Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur**

17. (1) Majlis hendaklah menyediakan suatu draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

(2) Majlis hendaklah, dalam draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, merumuskan dengan apa-apa butir terperinci sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Majlis yang berikut:

- (a) cadangan bagi rangka keseluruhan, wawasan dan objektif pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, yang hendaklah termasuk objektif dan strategi bagi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (b) cadangan bagi perancangan dan pelaksanaan inisiatif di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur untuk merealisasikan objektif dan strategi yang disebut dalam perenggan (a) yang hendaklah termasuk inisiatif yang berhubungan dengan tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - (i) objektif, fungsi, kuasa, dan fungsi dan kuasa tambahan Majlis di bawah seksyen 6, 7, 8 dan 9 masing-masing;
 - (ii) pembangunan dan pengembangan industri pelancongan;
 - (iii) penambahbaikan, pengembangan, pemusatan, penyelarasan dan peningkatan pengurusan industri minyak dan gas dan petrokimia;
 - (iv) pembangunan sektor perindustrian, termasuk pembangunan industri dengan nilai tambah yang lebih tinggi dan industri baru;
 - (v) pembangunan mengikut sektor atau mengikut industri yang berkaitan dengan modal insan, termasuk aktiviti berhubungan dengan pendidikan, latihan dan penyelidikan;
 - (vi) pembangunan sektor pertanian, termasuk memodenkan, mempelbagaikan dan mengkomersialkannya;
 - (vii) peningkatan kualiti persekitaran tempat tinggal di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
 - (viii) pengurusan dan peningkatan pembangunan sosial di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
 - (ix) pengurusan penggunaan tanah di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;

Rang Undang-Undang

- (x) pencapaian atau peningkatan daya saing di peringkat antarabangsa bagi barangan dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, termasuk aktiviti berhubung dengan penjenamaan, penyelidikan, akreditasi standard antarabangsa dan pemasaran;
 - (xi) cara menarik pelaburan dalam sektor pertanian, pengeluaran dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
 - (xii) penyediaan insentif bagi sektor pertanian, pengeluaran dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
 - (xiii) penyediaan, intergrasi, penambahbaikan, pengembangan, pemusatan, penyelarasan dan peningkatan pengurusan dan pemantauan infrastruktur kemudahan dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur; dan
 - (xiv) promosi pembangunan berorientasi transit di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (c) objektif dan strategi bagi pembangunan dan peningkatan infrastruktur logistik dan infrastruktur pengangkutan dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (i) peningkatan rangkaian pengangkutan dalaman, negara dan antarabangsa bagi pergerakan barangan dan manusia; dan
 - (ii) penyediaan dan pengurusan sistem pengangkutan awam yang bersepadu, dapat diselaraskan dan saling sambung-menyambung; dan
- (d) tindakan dan inisiatif bagi melindungi, menguruskan, memulihara, memelihara, meningkatkan, dan pembangunan mapan, sumber asli alam sekitar, sumber pertanian, ekosistem pantai yang sensitif, tanah tinggi, hutan, taman dan kawasan lapang di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (i) perlindungan kawasan alam sekitar yang sensitif yang dinyatakan dalam Rancangan Fizikal Negara

di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]; dan

- (ii) pemajuan pengurusan air, tenaga dan bahan buangan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

(3) Draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur hendaklah mengandungi, atau disertakan dengan, apa-apa peta, gambar rajah, ilustrasi, laporan, lukisan, model dan bahan perihalan lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Majlis bagi maksud menjelaskan atau menerangkan cadangan dalam draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, atau yang dalam apa-apa hal tertentu dinyatakan dalam arahan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor; dan peta, gambar rajah, ilustrasi, laporan, lukisan, model dan bahan perihalan dan arahan itu hendaklah dikira sebagai menjadi sebahagian daripada draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Perundingan dengan Kerajaan Negeri

18. (1) Dalam merumuskan cadangan, objektif, strategi, inisiatif dan tindakan dalam draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Majlis —

- (a) hendaklah merundingi Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor;
- (b) hendaklah memastikan bahawa cadangan, objektif, strategi, inisiatif dan tindakan itu mematuhi secara umum rancangan struktur di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 masing-masing bagi Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor masing-masing yang sedang berkuat kuasa, sama ada atau tidak telah dilaksanakan; dan
- (c) hendaklah mengambil kira—
 - (i) apa-apa maklumat dan pertimbangan lain yang pada pendapat Majlis adalah berkaitan;
 - (ii) apa-apa maklumat dan pertimbangan lain yang diarahkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor supaya diberi perhatian berhubung dengan apa-apa cadangan, objektif, strategi, inisiatif dan tindakan yang menyentuh Negeri masing-masing; dan

(iii) dasar negara dan dasar setiap Negeri masing-masing.

(2) Mana-mana entiti Kerajaan boleh memberi apa-apa maklum balas berkenaan peranan dan fungsi entiti Kerajaan itu di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur kepada Majlis bagi maksud Majlis merumus cadangan, objektif, strategi, inisiatif dan tindakan dalam draf Pelan Induk Rancangan Ekonomi Pantai Timur.

Kelulusan dan menerima pakai Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur

19. (1) Selepas Majlis menyediakan draf Pelan Induk Wilayah Pembangunan Pantai Timur, Majlis hendaklah mengemukakan draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur itu kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor untuk kelulusan.

(2) Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor hanya boleh menahan kelulusannya ke atas draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur itu jika Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor berpendapat bahawa draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur itu atau mana-mana bahagiannya tidak disediakan mengikut kehendak seksyen 17 dan 18.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, walau apa pun subseksyen (2), Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor tidak boleh menahan kelulusannya jika mana-mana kehendak seksyen 17 atau 18 yang pada pendapat Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor telah tidak dipatuhi adalah berkenaan dengan —

- (a) suatu perkara yang tidak berkaitan dengan Negeri mereka masing-masing;
- (b) suatu perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan; atau
- (c) suatu perkara dalam bidang tugas atau tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

(4) Majlis hendaklah menyiarkan hakikat bahawa draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah diluluskan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor—

- (a) di laman web internet Majlis, dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, berserta Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur itu; dan
- (b) dalam tiga keluaran sekurang-kurangnya satu akhbar arus perdana dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam bahasa Inggeris, dengan menyatakan petunjuk yang melaluinya Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang diluluskan itu boleh dikenali dan suatu pernyataan tentang masa dan tempat di mana Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur itu boleh dilihat.

(5) Selepas Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur diluluskan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor—

- (a) berhubung dengan mana-mana kawasan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang rancangan tempatan baginya belum mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Jawatankuasa Perancang Negeri yang berkaitan bagi kawasan itu hendaklah memberi suatu arahan kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan di bawah perenggan 12(3)(b) dan subseksyen 12(8) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 untuk memasukkan ke dalam draf rancangan tempatan bagi kawasan itu apa-apa kandungan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebagaimana yang difikirkan berkaitan atau sesuai oleh Jawatankuasa Perancang Negeri itu; dan
- (b) berhubung dengan mana-mana kawasan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang rancangan tempatan baginya telah mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, Jawatankuasa Perancang Negeri yang berkaitan bagi kawasan itu hendaklah memberi suatu arahan kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan di bawah subseksyen 16(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa

1976 untuk mengubah rancangan tempatan itu dengan memasukkan apa-apa kandungan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebagaimana yang difikirkan berkaitan atau sesuai oleh Jawatankuasa Perancang Negeri itu.

Kajian semula dan perubahan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur

20. (1) Majlis atau mana-mana Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor boleh mencadangkan apa-apa kajian semula ke atas atau perubahan kepada Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, dan Majlis dan Kerajaan Negeri yang terjejas boleh bersesama mengkaji semula atau mengubah Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

(2) Seksyen 17, 18 dan 19 hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, berhubung dengan suatu kajian semula dan suatu perubahan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebagaimana seksyen-seksyen itu terpakai berhubung dengan penyediaan draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan diikuti dengan Kerajaan Negeri yang terjejas oleh kajian semula dan perubahan itu meluluskan dan menerima pakai draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur itu.

Kewajipan untuk memberi perhatian kepada Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur

21. Tiap-tiap entiti Kerajaan, mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing, berkewajipan untuk memberi perhatian kepada, dan bertindak mengikut cara yang selaras dengan kandungan, Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, sama ada atau tidak dimasukkan ke dalam rancangan tempatan menurut subseksyen 19(5)—

(a) berhubung dengan mana-mana entiti Kerajaan, dalam melaksanakan fungsi dan kewajipan entiti Kerajaan itu, dan dalam menjalankan kuasa entiti Kerajaan itu di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur; dan

- (b) berhubung dengan mana-mana entiti Kerajaan, mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing, dalam membuat apa-apa cadangan untuk pembangunan atau aktiviti lain, atau dalam menjalankan apa-apa pembangunan atau aktiviti lain, di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Pembangunan strategik yang ditetapkan

22. (1) Pihak Berkuasa Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor, mengikut hal keadaan, boleh, atas permintaan Majlis, menyiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri yang berkenaan —

- (a) apa-apa aktiviti di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang mempunyai impak ekonomi yang penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebagai suatu aktiviti pembangunan strategik yang ditetapkan;
- (b) mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang mempunyai impak ekonomi yang penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebagai suatu kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan; dan
- (c) apa-apa aktiviti pembangunan strategik yang ditetapkan di dalam mana-mana kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan.

(2) Mana-mana entiti Kerajaan, atau mana-mana badan atau orang yang berhasrat untuk menjalankan apa-apa aktiviti pembangunan strategik yang ditetapkan, atau apa-apa pembangunan di dalam kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan, atau apa-apa aktiviti pembangunan strategik yang ditetapkan di dalam mana-mana kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan hendaklah pertama sekali merujuk cadangan pembangunan itu kepada Majlis bagi mendapatkan arahan Majlis sebelum mengemukakan cadangan pembangunan itu untuk kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan.

(3) Majlis hendaklah memberi arahan di bawah subseksyen (2) bagi maksud memastikan pematuhan dan keselarasan dengan kandungan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur sama ada atau tidak dimasukkan ke dalam suatu rancangan tempatan menurut subseksyen 19(5).

BAHAGIAN V

ARAH, DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN DI
DALAM WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR**Tanggungjawab Majlis**

23. Dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, Majlis bertanggungjawab —

- (a) untuk memastikan bahawa fungsi itu dilaksanakan dan kuasa itu dijalankan mengikut cara yang dapat menjayakan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor yang sedang berkuat kuasa dan khususnya dasar yang berhubungan dengan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur selaras dengan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (b) berkenaan dengan strategi untuk perancangan pembangunan dan penggunaan tanah dan bangunan, untuk memberi perhatian kepada dan bertindak mengikut kerangka am—
 - (i) dasar negara bagi pemajuan dan kawalan penggunaan tanah; dan
 - (ii) dasar am Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor; dan
- (c) untuk merundingi dan menyelaraskan tindakannya dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor dan mana-mana entiti Kerajaan —
 - (i) yang mempunyai tanggungjawab ke atas kawasan-kawasan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang Majlis bercadang untuk menjalankan aktivitinya; atau
 - (ii) yang diletak hak dengan fungsi dan kuasa yang sama dengan Majlis bagi apa-apa perkara yang Majlis bercadang untuk mengusahakan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Tanggungjawab entiti Kerajaan

24. Tiap-tiap entiti Kerajaan hendaklah bertanggungjawab —
- (a) untuk bekerjasama dengan dan membantu Majlis dalam melaksanakan kuasa dan fungsi Majlis di bawah Akta ini;
 - (b) jika berkaitan, untuk merujuk kepada dan menggunakan maklumat, statistik dan faktor-faktor yang disebarkan oleh Majlis; dan
 - (c) untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada dasar dan undang-undang yang dicadangkan supaya dipakai dan tindakan yang dicadangkan supaya dijalankan bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebagaimana yang disyorkan oleh Majlis.

BAHAGIAN VI

PENYELARASAN ANTARA ENTITI KERAJAAN DI DALAM WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

Agensi penyelaras utama

25. (1) Majlis hendaklah, dalam menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana entiti Kerajaan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur—
- (a) bertindak sebagai ejen penyelaras utama atau ejen yang diberi kuasa bagi pihak entiti Kerajaan yang berkaitan untuk menerima, memproses dan menyegerakan kelulusan dan tindakan pentadbiran yang perlu berhubung dengan permohonan untuk mendapatkan kelulusan yang berkenaan dengannya Majlis telah membuat suatu perjanjian atau perkiraan di bawah seksyen 26; dan
 - (b) memberi khidmat pengurusan dan bantuan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkaitan dengan perkara-perkara berhubung dengan tanah di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.
- (2) Majlis boleh, dalam menjalankan peranan yang disebut dalam perenggan (1)(a) —
- (a) mengenakan ke atas pemohon apa-apa fi, kos, sumbangan atau apa-apa caj lain sebagaimana yang ditetapkan

berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis; dan

- (b) bagi pihak entiti Kerajaan yang berkaitan, memungut daripada pemohon apa-apa fi, kos, sumbangan atau apa-apa caj lain sebagaimana yang dikehendaki secara sah di sisi undang-undang oleh entiti Kerajaan itu berkaitan dengan permohonan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "kelulusan" ertinya apa-apa kelulusan oleh mana-mana entiti Kerajaan, sama ada di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau tidak, dan termasuk kelulusan bagi atau berkaitan dengan lesen, permit, pas, pendaftaran, cukai, eksais dan insentif, yang dikehendaki atau berkaitan dengan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Perkiraan dengan entiti Kerajaan

26. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Majlis boleh membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana entiti Kerajaan berkenaan dengan —

- (a) perjalanan oleh Majlis dan entiti Kerajaan itu akan mana-mana fungsi dan kuasa mereka masing-masing;
- (b) perjalanan atau penyediaan oleh Majlis bagi entiti Kerajaan itu, atau oleh entiti Kerajaan itu bagi Majlis, apa-apa kerja atau perkhidmatan; atau
- (c) pemungutan oleh Majlis bagi pihak entiti Kerajaan itu apa-apa fi, kos, sumbangan atau apa-apa caj lain sebagaimana yang dikehendaki, di caj atau dikenakan secara sah di sisi undang-undang oleh entiti Kerajaan itu.

(2) Mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat di bawah subseksyen (1) —

- (a) hendaklah mendapat keizinan Perdana Menteri dalam hal suatu entiti Kerajaan bagi Kerajaan Persekutuan;
- (b) hendaklah mendapat keizinan Pihak Berkuasa Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang atau Johor dalam hal sesuatu entiti Kerajaan bagi Kerajaan Negeri yang berkenaan; dan

- (c) adalah tertakluk kepada dan hendaklah selaras dengan undang-undang yang mentadbir kuasa dan fungsi entiti Kerajaan yang berkaitan.

Majlis boleh mendapatkan maklumat daripada entiti Kerajaan

27. Bagi membolehkan Majlis melaksanakan fungsi dan kuasanya dan peranan Majlis sebagai agensi penyelarasan utama dengan berkesan, Majlis boleh mendapatkan daripada—

- (a) mana-mana entiti Kerajaan apa-apa bantuan dan minta dikemukakan apa-apa maklumat yang ada dalam milik entiti Kerajaan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Majlis; dan
- (b) mana-mana entiti Kerajaan, syarikat dan perbadanan, dan mana-mana badan dan orang lain, sama ada tempatan atau asing, yang terlibat dalam menjalankan atau berhasrat untuk menjalankan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur apa-apa laporan, yang mengandungi apa-apa butir dan maklumat sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis, berkenaan dengan aktiviti entiti Kerajaan, syarikat dan perbadanan, dan mana-mana badan dan orang lain itu atau aktiviti yang dicadangkan oleh entiti Kerajaan, syarikat dan perbadanan, dan mana-mana badan dan orang lain itu.

Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan

28. (1) Majlis hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan bagi setiap Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor.

(2) Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan bagi setiap Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi dan anggota yang dilantik oleh Perdana Menteri selepas merundingi Menteri Besar Negeri berkenaan.

(3) Keanggotaan suatu Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan boleh termasuk seorang individu atau lebih daripada sektor swasta.

(4) Seorang anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan bagi setiap Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor boleh melantik seorang anggota silih ganti bagi menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan bagi pihaknya jika anggota itu, atas apa-apa alasan, tidak boleh hadir dan anggota silih ganti itu hendaklah semasa menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan itu bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan itu.

(5) Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan bagi setiap Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor hendaklah bertanggungjawab —

- (a) bagi mengenal pasti cadangan pembangunan dan pelaburan utama dan strategik di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur berkenaan dengan Negeri masing-masing;
- (b) bagi memantau status semua permohonan berhubung dengan cadangan pembangunan dan pelaburan utama dan strategik yang dikenal pasti menurut perenggan (a);
- (c) bagi menyelaraskan peranan dan aktiviti semua entiti Kerajaan yang berkaitan untuk menyegerakan pelaksanaan cadangan pembangunan dan pelaburan utama dan strategik yang dikenal pasti menurut perenggan (a);
- (d) bagi menghubungi Majlis atau mana-mana wakilnya tentang status pelaksanaan cadangan pembangunan dan pelaburan utama dan strategik yang dikenal pasti menurut perenggan (a);
- (e) bagi mengenal pasti apa-apa kesulitan atau isu yang timbul semasa pelaksanaan cadangan pembangunan dan pelaburan utama dan strategik yang dikenal pasti menurut perenggan (a);
- (f) bagi mengambil atau mengesyorkan langkah atau tindakan pentadbiran yang sesuai bagi menyelesaikan kesulitan atau isu yang dikenal pasti menurut perenggan (e); dan
- (g) bagi melaksanakan mana-mana fungsi atau kewajipan lain yang diarahkan oleh Majlis.

(6) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan.

(7) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua berhubung dengan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan.

BAHAGIAN VII *i*
KEWANGAN

Kumpulan Wang

29. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur" ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Majlis.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Akta ini dari semasa ke semasa;
- (b) kesemua wang yang didapati daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (c) kesemua wang yang didapati atau dihasilkan daripada apa-apa harta, pelaburan, dana pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Majlis;
- (d) apa-apa harta, pelaburan, dana pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Majlis;
- (e) kesemua wang yang didapati daripada khidmat perundingan dan nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Majlis;
- (f) fi, kos, sumbangan dan caj lain yang dikenakan oleh Majlis di bawah Akta ini;
- (g) kesemua jumlah wang atau harta lain, selain jumlah wang yang disebut dalam perenggan 25(2)(b), yang dalam apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Majlis berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampungan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya;

- (h) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Majlis dari semasa ke semasa daripada pinjaman yang dibuat oleh Majlis;
- (i) jumlah wang yang dipinjam oleh Majlis bagi maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan apa-apa kewajipannya; dan
- (j) kesemua wang lain yang diterima secara sah di sisi undang-undang oleh Majlis.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

30. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan dengan sah atau disetujui terima oleh Majlis dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini termasuk fi dan kos ukur dan guaman dan fi dan kos lain;
- (b) membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera dan bahan, memperoleh tanah dan aset lain, dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam melaksanakan fungsi atau menjalankan kuasa Majlis di bawah Akta;
- (c) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang dikenakan atas wang yang dipinjam itu;
- (d) membayar elaun dan perbelanjaan lain anggota Majlis, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan dan mana-mana jawatankuasa dan mana-mana orang yang di undang untuk menghadiri mesyuarat Majlis, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan dan mana-mana jawatankuasa;
- (e) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain Ketua Eksekutif, pegawai dan pekhidmat Majlis termasuk pemberian pinjaman dan bayaran pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan, pencen dan ganjaran;
- (f) memberi bantuan kewangan atau kemudahan kredit, dengan atau tanpa bunga, atau apa-apa sumbangan, bagi maksud pendidikan atau biasiswa atau bagi apa-apa maksud lain yang diluluskan oleh Majlis kepada mana-mana orang;

- (g) sumbangan dan derma kepada mana-mana orang; dan
- (h) pada amnya membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang

31. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 13 dan peruntukan lain Akta ini, Majlis boleh mewakili kepada Pengerusi, seorang anggota Majlis, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, suatu jawatankuasa, Ketua Eksekutif atau seorang pegawai Majlis, kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau apa-apa wang lain yang terletak hak pada dan di bawah kawalan Majlis hingga ke takat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Pengerusi, seorang anggota Majlis, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, suatu jawatankuasa, Ketua Eksekutif atau seorang pegawai Majlis, yang diberi kuasa untuk membenarkan apa-apa perbelanjaan daripada Kumpulan Wang adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Majlis dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Majlis.

(3) Kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Majlis.

(4) Suatu perwakilan kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang di bawah seksyen ini tidak akan menghalang Majlis daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

32. Menjadi kewajipan Majlis untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara demi memastikan bahawa jumlah hasil Majlis adalah mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Dana khas

33. (1) Majlis hendaklah menubuhkan, menerima dan menguruskan suatu dana bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Akaun dana khas di bawah subseksyen (1) hendaklah disimpan secara berasingan dan dipisahkan daripada akaun Kumpulan Wang.

(3) Perdana Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Ketiga.

Kumpulan wang rizab

34. Majlis hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

Akaun bank

35. Majlis hendaklah membuka dan menyenggara suatu akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dan tiap-tiap akaun hendaklah dikendalikan dengan seberapa yang boleh melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Kuasa untuk mengenakan fi

36. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan lain dalam Akta ini tentang kuasa Majlis untuk mengenakan fi, kos atau apa-apa caj lain, Majlis boleh mengenakan apa-apa fi, kos atau caj lain yang difikirkan sesuai oleh Majlis bagi apa-apa yang dibuat oleh Majlis di bawah Akta ini demi menjayakan objektif Majlis dan bagi memberi kesan kepada mana-mana fungsi atau kuasa Majlis.

(2) Jika mana-mana orang gagal untuk membayar apa-apa fi, kos dan caj yang dikenakan oleh Majlis, fi, kos dan caj itu yang tidak berbayar itu hendaklah disifatkan sebagai hutang yang kena dibayar kepada Majlis dan boleh dibuat tuntutan ke atasnya dan didapati melalui mahkamah daripada orang itu.

Kuasa untuk meminjam dan memperdapatkan wang

37. Majlis boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma mengenai masa dan cara pembayaran balik, dan mewujudkan atau mengeluarkan apa-apa debentur, stok atau apa-apa suratcara kewangan lain dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, bagi maksud memperdapatkan apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Majlis bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya dan termasuk bagi maksud dana khas di bawah seksyen 33.

Pelaburan

38. (1) Wang Majlis, setakat yang wang itu tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Majlis di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Perdana Menteri.

(2) Tertakluk kepada dan mengikut mana-mana undang-undang bertulis, Majlis boleh menubuhkan, menguruskan dan mengendalikan apa-apa dana pelaburan mengikut maksud yang ditentukan baginya, sama ada yang berhubungan dengan harta, saham, syer atau selainnya, dan untuk membubarkan dana pelaburan itu atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Majlis.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

39. (1) Perbelanjaan Majlis setakat apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Perdana Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Majlis hendaklah mengemukakan kepada Perdana Menteri suatu anggaran perbelanjaan, termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan, bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Perdana Menteri.

(3) Perdana Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Majlis amaun yang dibenarkan bagi

perbelanjaan secara amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap perihalan perbelanjaan.

(4) Majlis boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Perdana Menteri suatu anggaran tambahan perbelanjaannya bagi mana-mana satu tahun dan Perdana Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

(5) Perdana Menteri boleh mengarahkan Majlis supaya mengemukakan satu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pihak berkuasa awam yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

Tahun kewangan

40. Tahun kewangan Majlis hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

41. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Majlis.

BAHAGIAN VIII

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan kerana tidak menzahirkan kepentingan

42. Mana-mana anggota Majlis yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 6 Jadual Pertama dan mana-mana anggota jawatankuasa dan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 6 Jadual Kedua melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Obligasi kerahsiaan

43. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota Majlis, anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, anggota mana-mana jawatankuasa atau orang yang di undang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan atau mana-mana jawatankuasa, atau Ketua Eksekutif atau pegawai atau pekhidmat Majlis boleh menzahirkan atau memberikan atau menyebabkan mana-mana orang untuk menzahirkan atau memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang telah diperolehnya atau yang terhadapnya dia mempunyai akses semasa melaksanakan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan kerana memberi maklumat palsu atau mengelirukan

44. (1) Mana-mana orang yang menzahirkan atau memberikan, atau menyebabkan mana-mana orang untuk menzahirkan atau memberikan, maklumat kepada Majlis yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(2) Jika seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) ialah seorang yang profesionnya dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis, dia boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

(3) Mana-mana pertubuhan perbadanan yang menzahirkan atau memberikan, atau menyebabkan mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan untuk menzahirkan atau memberikan, maklumat kepada Majlis yang diketahuinya atau yang pertubuhan perbadanan itu mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

Kesalahan kerana mengubahsuai tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Majlis

45. (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan jika dia melakukan apa-apa perbuatan atau peninggalan atau menyebabkan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dia tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa akan apa-apa maklumat, statistik atau data lain, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya. dalam milik, jagaan atau kawalan Majlis.

(2) Bagi maksud seksyen ini —

(a) adalah tidak material bahawa perbuatan atau peninggalan yang berkenaan tidak ditujukan kepada—

(i) apa-apa maklumat, statistik atau data yang tertentu;

(ii) apa-apa jenis maklumat, statistik atau data; atau

(iii) apa-apa maklumat, statistik atau data yang disimpan di mana-mana lokasi tertentu;

(b) adalah tidak material sama ada sesuatu pengubahsuaian tanpa kuasa menjadi, atau diniatkan menjadi, kekal atau hanya sementara; dan

(c) sesuatu pengubahsuaian, termasuk apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyumbang kepada berlakunya pengubahsuaian itu, apa-apa maklumat, statistik atau data berlaku jika—

(i) maklumat, statistik atau data itu diubah atau dipadamkan;

(ii) maklumat, statistik atau data bam dimasukkan atau ditambahkan kepada maklumat, statistik atau data itu; atau

(iii) apa-apa kejadian berlaku yang mengurangkan keupayaan Majlis untuk mendapat akses kepada maklumat, statistik atau data itu.

(3) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, atau dikenakan denda tidak

melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574].

(4) Jika seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini ialah seorang yang profesionnya dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis, dia boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit, atau dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

(5) Mana-mana pertubuhan perbadanan yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit, atau dikenakan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan dan pekerja

46. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa tahap adalah bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau yang membantu dalam pengurusan pertubuhan perbadanan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan —

- (a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau tanpa dia membiarkannya sahaja; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar bagi mencegah kesalahan itu daripada dilakukan.

(2) Jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran yang dilakukan olehnya, dia boleh

dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran demikian yang dilakukan oleh mana-mana pekhidmat atau ejennya, atau oleh pekerja ejen tersebut, jika perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran itu telah dilakukan —

- (a) oleh pekerja orang itu dalam penjalanan urusan pekerjaan pekerja itu;
- (b) oleh ejen yang bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam penjalanan urusan pekerjaan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu.

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN AM

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

47. (1) Majlis hendaklah memberi Perdana Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Perdana Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti Majlis sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Majlis hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Perdana Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Perdana Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya.

(3) Laporan di bawah subseksyen (2) hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat berhubungan dengan prosiding dan dasar Majlis sebagaimana yang ditetapkan oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

48. Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk menubuhkan atau memajukan, atau menggalakkan penubuhan atau pembesaran

syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] atau badan-badan lain-fa) untuk melaksanakan mana-mana fungsi atau menjalankan apa-apa kuasa Majlis; atau

- (b) untuk menjalankan dan menjaga, mengelola dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirangkaikan atau dijalankan oleh Majlis dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

Kuasa untuk mengambil khidmat profesional

49. (1) Majlis boleh mengambil khidmat, melantik dan membayar ejen, kontraktor dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, juruukur, penilai dan orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan, dan menjalankan apa-apa projek, skim atau perusahaan.

(2) Tiada seorang pun layak untuk diambil khidmat menurut subseksyen (1) jika dia mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau menerusi mana-mana orang atau pihak ketiga, apa-apa bahagian atau kepentingan dalam mana-mana kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Majlis.

Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang

50. Tiada tindakan guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap —

- (a) Pengerusi;
- (b) Majlis;
- (c) mana-mana anggota Majlis, mana-mana anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, atau mana-mana anggota jawatankuasa;
- (d) Ketua Eksekutif, mana-mana pegawai atau pekhidmat Majlis; atau

(e) seseorang ejen Majlis atau mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Majlis,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan olehnya dengan suci hati dalam melaksanakan kuasa, fungsi dan tanggungjawabnya di bawah Akta ini atas sifat yang sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

51. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Majlis atau terhadap mana-mana anggota Majlis, mana-mana anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, mana-mana anggota jawatankuasa, atau Ketua Eksekutif atau mana-mana pegawai, atau pekhidmat atau ejen Majlis berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat awam

52. Tiap-tiap anggota Majlis, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, mana-mana jawatankuasa, Ketua Eksekutif, mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Majlis, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, Ketua Eksekutif, pegawai, pekhidmat atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

53. Majlis boleh, dengan kelulusan Perdana Menteri, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik, dan tanpa menjejaskan yang terdahulu, peraturan-peraturan boleh dibuat bagi mengenakan fi, kos, dan apa-apa caj lain di bawah perenggan 25(2)(a) dan dalam apa-apa hal lain yang ditentukan oleh Majlis.

Perkara yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini akan diperbuat

54. Segala perbuatan dan benda yang dilakukan bagi pihak Majlis sebagai persediaan bagi atau dalam menjangkakan Akta ini diperbuat dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan benda yang dilakukan itu selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau benda itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Majlis.

Peruntukan kecualian

55. (1) Peruntukan-peruntukan Akta ini tidak terpakai bagi atau menyentuh —

(a) berhubung dengan suatu entiti Kerajaan —

- (i) mana-mana projek yang dijalankan oleh, atau mana-mana projek yang diluluskan atau diawardkan kepada, mana-mana entiti Kerajaan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan
- (ii) melainkan jika ditentukan selainnya oleh Perdana Menteri, mana-mana projek yang dicadangkan bagi mana-mana entiti Kerajaan yang berkenaan dengannya kelulusan atau award sedang dinantikan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan

(b) berhubung dengan seseorang —

- (i) mana-mana projek yang dijalankan oleh, atau mana-mana projek yang diluluskan atau diawardkan kepada, mana-mana orang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan
- (ii) mana-mana projek yang dicadangkan bagi mana-mana orang yang berkenaan dengannya kelulusan atau award sedang dinantikan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Pelaksanaan atau pelaksanaan yang diteruskan bagi mana-mana projek, atau kelulusan atau award bagi mana-mana projek yang dicadangkan yang sedang dinantikan, kecuali berkenaan dengan mana-mana projek yang dicadangkan yang berhubungan dengannya suatu arahan telah dibuat oleh Perdana Menteri di bawah subseksyen (1), tidak tersentuh oleh permulaan kuat kuasa Akta ini dan bagi maksud sedemikian hendaklah diperlakukan seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 10]

Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan

1.(1) Pelantikan seorang anggota Majlis di bawah perenggan 10(1)(d) dan (e) Akta hendaklah bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa terma yang ditetapkan oleh Perdana Menteri.

(2) Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 10(1)(f) Akta hendaklah, tertakluk kepada apa-apa terma yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula bagi tempoh maksimum tiga penggal berturut-turut.

(3) Pelantikan mana-mana anggota di bawah perenggan 10(1)(f) Akta boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Perdana Menteri, tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(4) Seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 10(1)(j) Akta boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Perdana Menteri.

Pengosongan jawatan

2. Jawatan seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 10(1)(f) Akta menjadi kosong—

(a) jika dia mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan —

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah Akta ini; atau

- (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajibannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (f) jika peletakan jawatannya diterima oleh Perdana Menteri; atau
- (g) jika pelantikannya dibatalkan oleh Perdana Menteri.

Mesyuarat Majlis

3. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Majlis atau semasa ketidakhadiran Pengerusi, Timbalan Perdana Menteri hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat Majlis dan empat orang anggota lain hendaklah membentuk suatu kuorum pada mana-mana mesyuarat Majlis.

(4) Tertakluk kepada subperenggan (5), Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat Majlis dan tiap-tiap anggota yang hadir pada mesyuarat Majlis berhak kepada satu undi.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, dalam semua mesyuarat Majlis, undi Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat Majlis hendaklah dikira sebagai satu.

(6) Keputusan Majlis hendaklah dibuat melalui undi sebulat suara anggota yang hadir dan berhak untuk mengundi pada mesyuarat yang berkenaan.

Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

4. (1) Majlis boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Majlis bagi maksud menasihati Majlis tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang diundang sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Majlis di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Ketetapan tanpa mesyuarat

5. (1) Suatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Majlis jika—

- (a) semua anggota Majlis telah diberitahu mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memberitahu semua anggota Majlis mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa bermesyuarat, semua anggota Majlis menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Majlis di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Majlis —

- (a) memutuskan bahawa sub perenggan itu terpakai; dan
- (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Majlis hendaklah menandakan persetujuan mengenai ketetapan itu.

Penzahiran kepentingan

6. (1) Mana-mana anggota Majlis yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi seseorang anggota keluarganya atau sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan atau dipertimbangkan oleh Majlis hendaklah menzahirkan kepada Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat Majlis, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Majlis yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan ditimbangkan, selepas penzahiran itu, anggota itu —

- (a) tidak boleh hadir semasa mana-mana perbincangan atau pertimbangtelitian Majlis, atau semasa Majlis membuat keputusan, apabila perkara itu dibincangkan atau dipertimbangkan, atau diputuskan; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Majlis apabila perkara itu dibincangkan atau dipertimbangkan, atau diputuskan.

(3) Bagi maksud perenggan ini —

- (a) "anggota keluarganya", berhubung dengan seseorang anggota Majlis termasuk—
 - (i) suami atau isterinya;
 - (ii) ibu atau bapanya, termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya;
 - (iii) anaknya, termasuk anak angkat atau anak tirinya;
 - (iv) adik-beradiknya, termasuk adik-beradik suami atau isterinya; dan
 - (v) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

(b) "sekutu", berhubung dengan seseorang anggota Majlis ertinya—

- (i) seseorang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (ii) firma yang dalamnya anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsi;
- (iii) pekongsi anggota itu;
- (iv) pemegang, amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau anggota keluarganya merupakan seorang benefisiari; atau
- (v) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang baginya anggota itu atau mana-mana penamanya atau anggota keluarganya merupakan seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

Mengambil bahagian secara langsung melalui talian video, dsb.

7. Pengerusi boleh membenarkan suatu mesyuarat melalui, atau seorang anggota untuk mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat Majlis dengan menggunakan, video secara langsung, talian television atau apa-apa kemudahan komunikasi atau multimedia yang sesuai.

Minit

8. (1) Majlis hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Majlis hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat itu, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Majlis yang berkenaan dengan penjalanannya minit telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Meterai perbadanan

9. (1) Majlis hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Majlis dan meterai itu boleh dipisahkan, ditukar, diubah atau dibuat baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Majlis, suatu cap yang mengandungi perkataan "Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Majlis.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Eksekutif atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Ketua Eksekutif secara bertulis, dan hendaklah disahkan oleh Ketua Eksekutif atau pegawai yang diberi kuasa itu; dan segala surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang berupa sebagai telah dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan ini, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Walau apa pun subperenggan (3), apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Majlis mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Majlis oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Majlis yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Majlis bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Majlis hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Kesahan perbuatan dan prosiding

10. Tiada perbuatan atau peninggalan yang dilakukan atau prosiding yang diambil oleh Majlis di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa —

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Majlis;
- (b) pelanggaran oleh mana-mana anggota Majlis terhadap peruntukan perenggan 6;
- (c) kehadiran atau penglibatan seorang anggota atau orang yang tidak berhak untuk hadir atau melibatkan diri; dan
- (d) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Tatacara

11. Tertakluk kepada Akta ini, Majlis boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Elaun

12. Boleh dibayar kepada anggota Majlis apa-apa elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

Anggota Majlis hendaklah menumpukan masa kepada urusan Majlis

13. Tiap-tiap anggota Majlis hendaklah menumpukan masa kepada urusan Majlis sebagaimana yang perlu bagi menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

JADUAL KEDUA
[Seksyen 12 dan 28]

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

- (a) "anggota jawatankuasa" ertinya seorang anggota jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 12 Akta, dan anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan yang dilantik di bawah seksyen 28 Akta, dan termasuk anggota silih ganti anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan;
- (b) "jawatankuasa" ertinya suatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 12 Akta dan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan yang dilantik di bawah seksyen 28 Akta; dan
- (c) "pengerusi" ertinya pengerusi jawatankuasa yang berkenaan, atau pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan termasuk seorang anggota jawatankuasa yang bertindak sebagai pengerusi di bawah subperenggan 3(2).

Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan

2. (1) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Berhubung dengan suatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 12 Akta, Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa itu tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(3) Berhubung dengan suatu Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan yang dilantik di bawah seksyen 28 Akta, Perdana Menteri boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa itu tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan **itu**.

(4) Mana-mana anggota jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan melalui notis secara bertulis kepada Perdana Menteri.

(5) Majlis boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

Mesyuarat jawatankuasa

3. (1) Sesuatu jawatankuasa hendaklah bermesyuarat pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa atau semasa ketidakhadiran pengerusi, anggota yang hadir pada mesyuarat itu hendaklah melantik seorang pengerusi daripada kalangan mereka.

(3) Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa dan dua orang anggota lain hendaklah membentuk suatu kuorum pada mana-mana mesyuarat jawatankuasa.

(4) Tertakluk kepada subperenggan (5), pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa dan tiap-tiap anggota yang hadir pada mesyuarat jawatankuasa berhak kepada satu undi.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, dalam semua mesyuarat jawatankuasa, undi pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa hendaklah dikira sebagai satu.

(6) Keputusan suatu jawatankuasa hendaklah dibuat melalui kelebihan undi anggota yang hadir dan berhak untuk mengundi pada mesyuarat yang berkaitan.

(7) Tanpa mengambil kira subperenggan (6), jika berkenaan suatu persoalan yang perlu ditentukan oleh jawatankuasa, terdapat jumlah undi yang sama banyak, pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus.

Jawatankuasa boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

4. (1) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan jawatankuasa bagi maksud menasihati jawatankuasa tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang diundang sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan jawatankuasa di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Ketetapan tanpa mesyuarat

5. (1) Suatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat jawatankuasa jika —

- (a) semua anggota jawatankuasa telah diberitahu mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memberitahu semua anggota jawatankuasa mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa bermesyuarat, semua anggota jawatankuasa menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh jawatankuasa itu di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika jawatankuasa— (a) memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan

- (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota jawatankuasa hendaklah menandakan persetujuan mengenai ketetapan itu.

Penzahiran kepentingan

6. (1) Mana-mana anggota jawatankuasa yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi seseorang anggota keluarganya atau sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan atau dipertimbangkan oleh jawatankuasa hendaklah menzahirkan kepada pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat jawatankuasa yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu —

- (a) tidak boleh hadir semasa mana-mana perbincangan atau pertimbangan jawatankuasa itu, atau semasa jawatankuasa itu membuat keputusan, apabila perkara itu dibincangkan atau dipertimbangkan, atau diputuskan; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum jawatankuasa apabila perkara itu dibincangkan atau dipertimbangkan, atau diputuskan.

(3) Bagi maksud perenggan ini —

- (a) "anggota keluarganya", berhubung dengan seseorang anggota jawatankuasa termasuk —
- (i) suami atau isterinya;
 - (ii) ibu atau bapanya, termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya;
 - (iii) anaknya, termasuk anak angkat atau anak tirinya;
 - (iv) adik-beradiknya, termasuk adik-beradik suami atau isterinya; dan
 - (v) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan
- (b) "sekutu", berhubung dengan seseorang anggota jawatankuasa ertinya—
- (i) seseorang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
 - (ii) firma yang dalamnya anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsi;
 - (iii) pekongsi anggota itu;
 - (iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau anggota keluarganya merupakan seorang benefisiari; atau

- (v) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang baginya anggota itu atau mana-mana penamanya atau anggota keluarganya merupakan seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

Mengambil bahagian secara langsung melalui talian video, dsb.

7. Pengerusi boleh membenarkan, suatu mesyuarat melalui, atau seorang anggota jawatankuasa untuk mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat jawatankuasa dengan menggunakan, video secara langsung, talian television atau apa-apa kemudahan komunikasi atau multimedia yang sesuai.

Minit

8. (1) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat itu, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa yang berkenaan dengan penjalanannya minit telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(4) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan salinan minit setiap mesyuaratnya dikemukakan kepada Majlis dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan.

Kesahan perbuatan dan prosiding

9. Tiada perbuatan atau peninggalan yang dilakukan atau prosiding yang diambil oleh jawatankuasa di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, jawatankuasa;
- (b) pelanggaran oleh mana-mana anggota jawatankuasa terhadap peruntukan perenggan 6;
- (c) kehadiran atau penglibatan seorang anggota atau orang yang tidak berhak untuk hadir atau melibatkan did; dan
- (d) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Tatacara

10. Tertakluk kepada Akta ini dan apa-apa arahan Majlis, suatu jawatankuasa boleh mengawal selia tataranya sendiri.

Jawatankuasa adalah tertakluk kepada arahan Majlis

11. Suatu jawatankuasa adalah tertakluk kepada dan hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa oleh Majlis.

Elaun

12. Boleh dibayar kepada anggota jawatankuasa apa-apa elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi Majlis.

Anggota jawatankuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan jawatankuasa

13. Tiap-tiap anggota jawatankuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan jawatankuasa sebagaimana yang perlu bagi menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

JADUAL KETIGA

[Seksyen 33]

1. Dana Pelancongan
2. *Bumiputera Commercial and Industrial Community (BCIC) dan Small and Medium Enterprises (SME) Leverage Fund*
3. Dana Warisan dan Kraftangan
4. Dana Amanah Hartanah
5. Dana Kemiskinan
6. Dana Biodiversiti dan Bioteknologi

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mewujudkan suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai "Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur" ("Majlis") yang akan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi menggalakkan dan merangsang pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, untuk mengadakan peruntukan bagi arah, dasar dan strategi yang sewajarnya berhubung dengan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara entiti Kerajaan bagi memajukan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Dicapangkan bahawa Perdana Menteri menetapkan satu tarikh bagi permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.
5. *Fasal 3* bertujuan memberi jaminan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur iaitu, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor dan entiti Kerajaan yang lain bahawa tiada apa-apa jua dalam Akta yang dicadangkan boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan atau mengehendkan hak, kuasa, fungsi dan bidang kuasa mereka.
6. *Fasal 4* bertujuan untuk mengisytiharkan kawasan yang termasuk di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang meliputi Negeri-Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing di dalam Negeri Johor.

BAHAGIAN II

7. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubung dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.
8. *Fasal 5* mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penubuhan Majlis.
9. *Fasal 6* bertujuan untuk menyatakan objektif Majlis iaitu untuk merangsang dan mempercepatkan pertumbuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dalam cara yang saksama dan mapan.
10. *Fasal 7* dan *8* bertujuan untuk memperkatakan fungsi dan kuasa Majlis. Fungsi dan kuasa tambahan Majlis diperuntukkan dalam *fasal 9*.

11. *Fasal 10* mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Majlis. *Subfasal (3)* memperuntukkan bahawa perkara-perkara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama terpakai bagi Majlis.
12. *Fasal 11* bertujuan untuk memperkatakan pelantikan anggota silih ganti anggota Majlis.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk membolehkan Majlis melantik jawatankuasa bagi membantu Majlis menunaikan kewajipannya. *Subfasal (5)* memperuntukkan bahawa perkara-perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua terpakai bagi jawatankuasa.
14. Majlis dibenarkan untuk mewakili fungsi dan kuasanya dalam *fasal 13*.

BAHAGIAN III

15. Bahagian III mengandungi peruntukan tentang Ketua Eksekutif dan pegawai serta pekhidmat Majlis. *Fasal 14* mengandungi peruntukan bagi perantikan seorang Ketua Eksekutif dan menyatakan tanggungjawabnya sementara/asas 75 adalah berhubung dengan mengambil bekerja pegawai dan pekhidmat Majlis. *Fasal 16* bertujuan untuk membolehkan Majlis memberi bantuan kewangan kepada pegawai dan pekhidmatnya dan tanggungan mereka.

BAHAGIAN IV

16. Bahagian IV mengandungi peruntukan berhubung dengan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur.
17. *Fasal 17* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penyediaan draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang mengandungi pernyataan bertulis yang merumuskan cadangan bagi kerangka, wawasan, objektif dan strategi menyeluruh bagi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Cadangan sedemikian adalah berhubung dengan, antara lain, pembangunan dan perluasan industri pelancongan, kemajuan dan perluasan industri minyak, gas dan petrokimia, pembangunan sektor perindustrian, pembangunan modal insan mengikut sektor atau mengikut industri, dan pembangunan sektor pertanian di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.
18. Kehendak supaya Majlis merundingi Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam penyediaan draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur terkandung dalam *fasal 18*.
19. Kehendak supaya Majlis mengemukakan draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk kelulusan terkandung dalam *fasal 19*. Kerajaan-Kerajaan Negeri boleh menahan kelulusan mereka ke atas draf Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur jika tatacara penggubalan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur tidak dipatuhi. Setelah Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur diluluskan oleh semua Kerajaan

Negeri, Jawatankuasa Perancangan Negeri masing-masing dikehendaki supaya memberi arahan kepada pihak berkuasa perancang tempatan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur untuk memasukkan kandungan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur ke dalam draf perancangan tempatan sebagaimana yang difikirkan oleh mereka berkaitan dan sesuai.

20. Dalam *fasal 20*, Majlis atau mana-mana Kerajaan Negeri di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur boleh mencadangkan kajian semula atau perubahan kepada Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Mana-mana Kerajaan Negeri di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang terjejas oleh kajian semula atau perubahan itu boleh bersesama mengkaji semula atau mengubah Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

21. *Fasal 21* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas tiap-tiap entiti Kerajaan dan badan atau orang, sama ada tempatan atau asing, untuk mengambil tahu tentang dan bertindak dengan cara yang selaras dengan kandungan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur dalam melaksanakan fungsi mereka, dsb., di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

22. Di bawah *fasal 22*, Jawatankuasa Perancangan Negeri yang berkaitan boleh atas permintaan Majlis menyiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri* apa-apa pembangunan atau mana-mana kawasan sebagai pembangunan strategik yang ditetapkan atau kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan yang mempunyai impak ekonomi yang penting kepada Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Mana-mana orang atau entiti Kerajaan yang berhasrat untuk menjalankan pembangunan strategik yang ditetapkan atau pembangunan dalam kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan adalah dikehendaki merujuk cadangan pembangunan itu kepada Majlis bagi mendapatkan arahnya sebelum menjalankan pembangunan itu. Ini adalah untuk memastikan pematuhan atau keselarasan cadangan pembangunan itu dengan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

BAHAGIAN V

23. *Fasal 23* bertujuan untuk mempertanggungkan kepada Majlis tanggungjawab untuk memastikan bahawa fungsinya ditunaikan demi menjayakan dasar Negara dan dasar Negeri-Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor berkaitan dengan pembangunan. Dalam menjalankan fungsinya dan melaksanakan tanggungjawabnya, Majlis hendaklah merundingi, dan menyelaraskan tindakannya dengan, entiti Kerajaan yang lain yang mempunyai tanggungjawab terhadap kawasan yang di dalamnya Majlis bercadang untuk melaksanakan tindakan.

24. *Fasal 24* bertujuan untuk mempertanggungkan kepada entiti Kerajaan tanggungjawab untuk bekerjasama dengan Majlis demi menjayakan dasar yang diperkenalkan bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

BAHAGIAN VI

25. Bahagian VI mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penyelarasan antara entiti Kerajaan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

26. Bagi menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh entiti Kerajaan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur, *fasal 25* mengadakan peruntukan bagi Majlis untuk bertindak sebagai ejen penyelarasan utama atau ejen yang diberi kuasa bagi pihak entiti-entiti Kerajaan yang berkaitan untuk menerima, memproses dan menyetujui kelulusan dan tindakan pentadbiran yang diperlukan berhubung dengan permohonan lesen, permit dan kelulusan lain, yang dikehendaki bagi atau berkaitan dengan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.
27. Di bawah *fasal 26*, Majlis boleh membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana entiti Kerajaan berkenaan dengan penjalanan fungsi dan kuasa masing-masing. Apa-apa perjanjian atau perkiraan sedemikian adalah tertakluk kepada undang-undang yang mengawal fungsi dan kuasa entiti Kerajaan yang berkenaan.
28. Di bawah *fasal 27*, Majlis sebagai ejen penyelarasan utama boleh meminta maklumat dan laporan daripada entiti Kerajaan dan mana-mana syarikat, perbadanan, badan atau orang yang menjalankan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.
29. *Fasal 28* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan oleh Majlis.

BAHAGIAN VII

30. Bahagian VII mengandungi peruntukan kewangan.
31. *Fasal 29* mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur ("Kumpulan Wang").
32. *Fasal 30* menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang manakala kuasa untuk membenarkan had tertentu bagi perbelanjaan daripada Kumpulan Wang diperuntukkan dalam *fasal 31*.
33. *Fasal 32* meletakkan kewajipan ke atas Majlis untuk memelihara Kumpulan Wang.
34. *Fasal 33* bertujuan untuk mengadakan peruntukan tentang penubuhan dana khas yang hendaklah dibelanjakan bagi projek, skim dan pengusahaan yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga. Dana khas ini hendaklah disimpan secara berasingan dan dipisahkan daripada Kumpulan Wang. Sementara itu *fasal 34* pula menghendaki Majlis untuk menubuhkan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.
35. Peruntukan tentang akaun bank Majlis terkandung dalam *fasal 35*.
36. *Fasal 36* bertujuan untuk membolehkan Majlis mengenakan fi, kos dan apa-apa caj lain bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis sementara *fasal 37* bertujuan untuk membolehkan Majlis meminjam wang dan memperdapat dana dan dalam *fasal 38* pula Majlis boleh melaburkan wang Majlis.

37. *Fasal 39* menghendaki Majlis untuk menyediakan suatu anggaran perbelanjaannya.
38. *Fasal 40* memperuntukkan tahun kewangan Majlis yang bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
39. *Fasal 41* memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai bagi Majlis.

BAHAGIAN VIII

40. Bahagian VIII mengandungi peruntukan tentang kesalahan dan penalti.
41. *Fasal 42* menjadikannya suatu kesalahan bagi anggota Majlis atau mana-mana jawatankuasa atau Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan yang tidak menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang sedang ditimbang teliti oleh Majlis atau jawatankuasa, atau Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, mengikut mana-mana yang berkenaan. Penalti bagi kesalahan ini ialah denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
42. Seseorang anggota Majlis, anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan, anggota mana-mana jawatankuasa atau orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan atau mana-mana jawatankuasa, atau Ketua Eksekutif, pegawai atau pekhidmat Majlis yang tidak mematuhi keperluan obligasi kerahsiaan melakukan suatu kesalahan di bawah *fasal 43*. Penalti bagi kesalahan ini ialah denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
43. *Fasal 44* bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan menzahirkan atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan kepada Majlis. Penalti bagi kesalahan ini ialah denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit bagi seorang individu, seratus ribu ringgit bagi seorang individu yang profesionnya dikawalselia bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan dua ratus ribu ringgit bagi suatu pertubuhan perbadanan.
44. *Fasal 45* mewujudkan suatu kesalahan bagi pengubahsuaian tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Majlis, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya. Penalti bagi seorang individu ialah denda tidak melebihi seratus ribu ringgit, tetapi jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengakibatkan kerugian dendanya tidak melebihi seratus lima puluh ribu ringgit. Penalti bagi seorang individu yang profesionnya dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis ialah denda tidak melebihi seratus lima puluh ribu ringgit, tetapi jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengakibatkan kerugian dendanya tidak melebihi dua ratus ribu ringgit. Penalti bagi suatu pertubuhan perbadanan ialah denda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit, tetapi jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengakibatkan kerugian dendanya tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

45. *Fasal 46* menyatakan bahawa jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan kesalahan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu hendaklah dianggap melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuan, kebenaran atau tanpa dia membiarkannya dan dia telah mengambil semua langkah yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu, dan jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta yang dicadangkan ini, dia juga boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama jika kesalahan itu dilakukan oleh pekerjaanya.

BAHAGIAN IX

46. Bahagian IX mengandungi peruntukan am.

47. *Fasal 47* menghendaki Majlis untuk memberikan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Perdana Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam atas arahan Perdana Menteri.

48. *Fasal 48* bertujuan untuk membolehkan Majlis menubuhkan syarikat.

49. *Fasal 49* bertujuan untuk memberi Majlis kuasa untuk mengambil khidmat, melantik dan membayar ejen, kontraktor dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, dan jurubank.

50. *Fasal 50* memberikan perlindungan kepada Pengerusi Majlis, Majlis dan anggotanya, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan dan anggotanya, sesuatu jawatankuasa dan anggotanya, Ketua Eksekutif, pegawai dan pekhidmat Majlis dan mana-mana orang lain yang menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta yang dicadangkan ini daripada tindakan, guaman atau pendakwaan jika perbuatan itu dibuat dengan suci hati.

51. *Fasal 51* mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 bagi Majlis dan anggotanya, Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan dan anggotanya, sesuatu jawatankuasa dan anggotanya, Ketua Eksekutif, pegawai dan pekhidmat Majlis dan mana-mana orang lain yang menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta yang dicadangkan ini.

52. Anggota Majlis, anggota Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan atau suatu jawatankuasa, Ketua Eksekutif, pegawai dan pekhidmat Majlis dan orang lain yang menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta yang dicadangkan ini hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan di bawah *fasal 52*.

53. Majlis diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan dalam *fasal 53*.

54. *Fasal 54* bertujuan untuk mengesahkan semua perkara yang dibuat dalam menjangkakan yang Akta yang dicadangkan ini akan diperbuat.

55. *Fasal 55* memperkatakan peruntukan kecualian.

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2618]